



Nama	:	Wan Nor Azriyana Wan Ali
Jabatan	:	Modal Insan / Pengurusan Pengetahuan
Ext	:	587
Nama Buku	:	Lukisan Jiwa
Tempat Terbitan	:	
Penerbit	:	PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
Jumlah Muka Surat	:	380
Tahun Terbitan	:	2009
Sasaran Umur	:	Remaja dan Dewasa
Komen Fizikal	:	Kecil, senang untuk dipegang dan dibawa kemana-mana
Elemen Biblioterapi	:	Ketabahan, Kesabaran
Positif	:	Kesederhanaan, kebahagiaan & kasih sayang,
Negatif	:	
Kelebihan	:	
Luahan Rasa	:	sentiasa ingat walau seteruk mana pun dugaan yang kita hadapi, Allah tak biarkan kita bersendirian. Jangan mudah berputus asa dengan dugaan. Banyak panduan yang boleh kita rujuk bila kita rasa buntu.

Sinopsis

Buku ini adalah kisah perjalanan hidup seorang perempuan bernama Nur Cahaya (Cahaya) sebelum dan sesudah berkahwin dengan arwah Shafi'e.

Cahaya dibesarkan oleh Makcik Anida, iaitu ibu tirinya setelah kematian ibu kandungnya. Seperti yang kita tahu fakta tipikal tentang ibu tiri yang sentiasa menjadi mangsa dera ibu tiri. Itulah kenyataan yang dilalui oleh Cahaya. Ayahnya yang bekerja sebagai pemandu lori sentiasa sibuk mencari rezeki manakala ibu tirinya sibuk menghabiskan duit ayahnya. Cahaya terpaksa hidup berdikari mencari alternatif untuk perbelanjaan perubatan datuknya, iaitu dengan melukis.

Shafi'e, lelaki yang sudah lama meminati Cahaya dalam diam sentiasa memerhatikan Cahaya dari jauh. Shafi'e juga dalam diam membeli lukisan Cahaya demi untuk membantu kehidupan Cahaya.

Kemuncak penderitaan Cahaya dengan ibu tirinya apabila Cahaya dipukul teruk kerana dia melabelkan adik tirinya, Sofea dengan gelaran bohsia akibat dari pergaulan bebas, tetapi ibu tirinya itu tidak mempercayai Cahaya.

Lebih malang lagi apabila ayah Cahaya ditahan polis atas tuduhan menjadi pengedar dadah gara-gara polis menjumpai dadah didalam lori yang dipandunya. Datuknya yang cacat penglihatan pula dihalau keluar dari rumah oleh ibu tirinya.

Selepas keluar dari hospital akibat dipukul teruk oleh ibu tirinya, Cahaya terus hilang punca. Ketika inilah Shafi'e memainkan peranan, memujuk Cahaya dan memberi tempat perlindungan untuk Cahaya buat sementara. Disebabkan Shafi'e rasa tidak elok dia keluar masuk rumah yang ditumpangi Cahaya tu, Shafi'e nekad melamar Cahaya untuk menjadi isterinya.

Walaupun bagaimanapun, Datin Suriani iaitu ibu shafie tidak merestui dan tidak menerima Cahaya sebagai menantu. Shafi'e tetap meneruskan niatnya melamar Cahaya yang akhirnya Shafi'e dihalau keluar dari rumah. Cahaya dan Shafi'e meneruskan kehidupan sebagai suami isteri. Shafi'e banyak membantu Cahaya dalam pelajaran sehingga Cahaya berjaya dengan cemerlang dalam SPM.

Shafi'e diuji lagi sekali apabila ibunya diserang sakit strok. Ayahnya meminta Shafi'e dan Cahaya untuk kembali tinggal bersama. Shafi'e dan Cahaya akur dengan kehendak ayahnya. Cahaya banyak membantu dalam menjaga ibu mertuanya sepanjang ibu mertuanya sakit. Peluang ini juga digunakan Cahaya untuk memujuk dan melembutkan hati ibu mertuanya untuk menerimanya sebagai menantu. Datin Suriani akhirnya kalah dengan kelembutan dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh Cahaya dalam menjaganya sepanjang dirinya terlantar sakit.

Namun, dugaan demi dugaan, Cahaya diduga lagi dengan dugaan yang paling mencabar apabila Shafi'e disahkan ada tumor otak dan dijangka hidup selama beberapa bulan sahaja. Shafi'e merahsiakan sakitnya dari pengetahuan Cahaya. Apabila Cahaya mengetahui mengenai sakit Shafi'e, Cahaya memujuk Shafi'e untuk mendapatkan rawatan dan pembedahan di luar negara. Shafi'e yang pada mulanya tidak bersetuju terpaksa akur setelah dipujuk oleh Cahaya. Namun begitu, Shafi'e tidak sempat menjalani pembedahan ketika sampai di luar negara kerana keadaanya kritikal dan doktor memaklumkan Shafi'e tidak dapat diselamatkan.

Cahaya redha di atas segala ketentuan yang Allah tetapkan kepadanya. Cahaya kembali ke Malaysia bersama anaknya dan meneruskan kehidupan tanpa Shafi'e. Sinar bahagia yang Cahaya kembali kecapi selepas kehilangan suaminya apabila telah menemui semula datuknya dan ayahnya terlepas dari tuduhan mengedar dadah dan dibebaskan dari penjara. Kenangan sepanjang hidup bersama Shafi'e menjadi kenangan paling berharga buat Cahaya.

